


# ENHANCING INNOVATIONS IN e-LEARNING FOR FUTURE PREPARATION

Volume 5, 2023

e-ISBN : 978-967-25608-8-3



SIG CS@e-Learning  
Unit Penerbitan  
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik & Media  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang

## FAKTOR PEMILIHAN DAN FAEDAH *HOMESCHOOLING*

\*Fadzilawani Astifar Alias<sup>1</sup>, Siti Balqis Mahlan<sup>2</sup>, Maisurah Shamsuddin<sup>3</sup> dan Nurhafizah Ahmad<sup>4</sup>

\*fadzilawani.astifar@uitm.edu.my<sup>1</sup>, sitibalqis026@uitm.edu.my<sup>2</sup>, maisurah025@uitm.edu.my<sup>3</sup>,  
nurha9129@uitm.edu.my<sup>4</sup>

<sup>1,2,3,4</sup>Jabatan Sains Komputer & Matematik (JSKM),  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang, Malaysia

\*Corresponding Author

### ABSTRAK

Salah satu alternatif pendidikan bagi anak-anak pada masa kini adalah *homeschooling*. Berbeza dengan kaedah pembelajaran pendidikan formal secara umumnya, *homeschooling* menggunakan kaedah belajar dan mengajar di rumah. Melalui *homeschooling* ini, ibubapa boleh menentukan sendiri kaedah pembelajaran yang sesuai kepada anak-anak mereka mengikut kemampuan, gaya pembelajaran dan minat anak-anak mereka sendiri. Selain itu, ibubapa boleh mengajar anak mereka sendiri atau menjemput tenaga pengajar ke rumah untuk mengajar anak mereka bersesuaian dengan sistem pendidikan formal. *Homeschooling* merupakan kaedah belajar yang mempunyai manfaat yang sama seperti pendidikan formal cuma ianya berlangsung dari rumah. *Homeschooling* dapat menanamkan rasa seronok untuk belajar dengan memberikan kebebasan belajar dengan memilih tempat dan masa yang bersesuaian. Ia juga dapat memberi kesedaran kepada ibubapa bahawa belajar bukan hanya dapat dijalankan secara formal tetapi ia juga dapat dijalankan secara terbuka dan santai termasuk di rumah. Walaubagaimanapun, kaedah ini masih dianggap baru di Malaysia dan ramai ibubapa masih belum terdedah dan faham akan kaedah *homeschooling* ini. Oleh yang demikian, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan kaedah *homeschooling* ini menjadi pilihan ibubapa pada masa kini dan mengkaji faedah pembelajaran secara *homeschooling*. Kajian ini diharapkan dapat memberi sedikit pendedahan kepada ibubapa tentang konsep *homeschooling* dan memberi pilihan kepada ibubapa untuk menyediakan pendidikan kepada anak-anak dengan cara yang terbaik.

**Keywords:** *Homeschooling, kaedah pembelajaran, faedah, kualiti*

### Pengenalan


Pendidikan formal atau *homeschooling* merupakan kaedah pembelajaran yang boleh dipilih oleh ibu bapa untuk anak-anak mereka. *Homeschooling* merupakan satu kaedah alternatif kepada pendidikan formal dan merupakan pendidikan kepada anak-anak di rumah. Ia bukanlah kaedah baru dalam pembelajaran tetapi telah digunapakai di kebanyakan negara sejak tahun 70-an lagi. Namun di Malaysia ia masih dianggap baru dan ibubapa masih belum ada pendedahan dengan kaedah ini. Realitinya, kini *Homeschooling* telahpun dilaksanakan oleh sebilangan kecil ibu bapa di Malaysia (Ruslina Ibrahim, Yusliza Baharin, Deny Indahsari, Saedah binti Siraj, & Norlidah binti Alias, 2011). Oleh itu, jika ada persoalan, yang manakah kaedah yang terbaik? Ianya sangat sukar untuk dijawab kerana kedua-dua mempunyai kelebihan dan kualiti masing-masing.

Di Malaysia terdapat 9 jenis sekolah yang menjalankan sistem pendidikan secara formal iaitu sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan, sekolah agama, sekolah mubaligh, sekolah model khas, sekolah pendidikan khas, sekolah teknik dan vokasional dan sekolah berasrama penuh (MOE, 2010). Sistem pendidikan secara formal adalah pendidikan yang dijalankan di sekolah untuk mencapai matlamat tertentu. Sistem pendidikan yang dijalankan adalah seiring dengan perkembangan dan kemajuan zaman. Manakala pendidikan tidak formal adalah pembelajaran yang diajar secara tidak langsung melalui aktiviti harian (Azizi & Nurfaizah, 2011). Justeru itu, tidak dapat dinafikan *homeschooling* adalah satu bentuk pendidikan yang mampu untuk mengambil tempat dalam aliran pendidikan satu masa nanti.

Jika *homeschooling* menjadi pilihan, ibubapa dan anak-anak mestilah mempunyai sikap disiplin yang tinggi terutamanya dari segi masa. Mungkin ramai orang berpendapat bahawa anak-anak akan lebih berdisiplin jika pergi ke sekolah kerana anak-anak hanya mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah. Tetapi sebenarnya tidak. Ini kerana anak-anak perlu melatih diri supaya lebih berdisiplin apabila belajar di rumah dengan mengikuti semua peraturan yang telah ibubapa tetapkan. Namun, semua itu terletak pada ibubapa itu sendiri kerana jika ibubapa bersikap tegas terhadap anak mereka maka pastinya ia akan membuahkan hasil. Namun, jika ibubapa meletakkan rasa kasihan dan kasih sayang terus terhadap anak, maka hasilnya pasti tidak jauh berbeza dengan pendidikan di sekolah malah mungkin menjadi lebih buruk. Oleh yang demikian, sebagai ibubapa mestilah bersiap sedia dari segi mental dan fizikal serta memikirkan kesan dari setiap pilihan yang diambil.

## **Perbincangan**

Rajah 1 menunjukkan faktor pemilihan *homeschooling*. Jika melihat kepada faktor-faktor ibubapa memilih kaedah *homeschooling* ini yang pertamanya adalah kerana kos yang lebih rendah dan menjimatkan. Sekiranya pendidikan formal pastinya memerlukan kos yang lebih besar dalam setahun kerana perlu membayar yuran tahunan, buku, pakaian seragam sekolah, aktiviti kokurikulum dan wang perbelanjaan untuk anak-anak seharian. Tambahan pula sejak dari fasa perintah kawalan pergerakan (PKP) sebelum ini menjadikan ramai ibubapa yang kehilangan pekerjaan. Jadi sejak dari itu ramai ibubapa sudah terbiasa dengan mengajar anak-anak mereka sendiri dan mereka merasakan bahawa mengajar anak-anak mereka sendiri lebih berkesan dan berbaloi. Ini antara sebab mengapa ibubapa memilih *homeschooling* sebagai kaedah pembelajaran terhadap anak-anak.



Rajah 1 : Faktor Pemilihan Homeschooling

Selain itu, ibubapa juga mempunyai matlamat mereka masing-masing. Mereka mahu mendidik dan membentuk perwatakan anak-anak mengikut cara mereka sendiri. Ada segelintir ibu bapa memilih *homeschooling* kerana kurang berpuas hati dengan faktor persekitaran di sekolah dan akhlak pelajar di sekolah, yang mana mereka ingin memberikan fokus didikan agama kepada anak-anak dan merasakan tidak berpuas hati terhadap sistem persekolahan yang ada. Tetapi bukan bermaksud mereka tidak mengendahkan dengan tahap penguasaan akademik anak-anak. Ini kerana akademik sangat penting untuk mencapai cita-cita dan mendapatkan pekerjaan yang terbaik demi meneruskan kehidupan anak-anak pada masa akan datang. Ray, 2009 pula menyatakan bahawa kebanyakan ibubapa menegaskan bahawa ianya menjadi tanggungjawab mereka untuk memberi kaedah pendidikan yang terbaik bagi anak-anak mereka dan ianya bukannya tanggungjawab dari pihak lain.

*Homeschooling* juga merupakan satu pilihan untuk mereka yang tinggal di kawasan pedalaman yang jauh dari sekolah, berpindah sementara di luar negara atau dari keluarga yang aktif bersukan atau mengembara yang tidak dapat memberi komitmen kepada pembelajaran formal. Surat pekeliling Ikhtisas Bil 2/2005 pula menyatakan bahawa *homeschooling* adalah merupakan satu kaedah persekolahan di rumah yang diberikan kepada anak-anak yang memerlukannya seperti mempunyai masalah kesihatan yang kronik dan memerlukan jagaan rapi oleh ibubapa atau penjaga.

Akhir sekali faktor yang dapat dilihat yang menjadikan *homeschooling* pilihan ibubapa adalah kerana pembelajaran yang bersemuka satu ke satu dan teknik yang digunakan semasa belajar yang lebih kreatif. Ibubapa boleh menggunakan kreativiti masing-masing untuk mengajar anak mereka seperti menggunakan permainan. Ini kerana permainan sangat bagus untuk meningkatkan kemahiran berfikir mereka malah dapat menaikkan semangat anak-anak untuk belajar dan menjadikan mereka sentiasa berfikir di luar kotak.

Oleh yang demikian, dari faktor-faktor yang telah dikaji ini dapat dilihat juga faedah yang diperolehi dari kaedah *homeschooling*. Jadual 1 menunjukkan faedah yang diperolehi dari kaedah *homeschooling* ini:

Jadual 1 : Faedah Homeschooling

Waktu belajar yang fleksibel	Salah satu kelebihan <i>homeschooling</i> adalah waktu pembelajaran yang fleksibel. Ibubapa, anak-anak atau tenaga pengajar dapat menentukan masa yang sesuai untuk memulakan pembelajaran dan menetapkan tempoh masa pembelajaran.
Anak boleh mengembangkan bakat sendiri	Ibubapa dan anak-anak dapat menetapkan sendiri jadual, subjek, tempoh masa belajar dan juga cara belajar yang sesuai dengan minat, kemampuan dan teknik pembelajaran anak. Ini kerana setiap anak mempunyai bakat, minat dan kemampuan yang berbeza.
Anak boleh mendapatkan rehat yang cukup	Rutin seharian sekolah formal memerlukan anak-anak untuk datang seawal pagi dan pulang kadang kala pada lewat petang. Ini menjadikan waktu rehat untuk anak sangat kurang dan ini menjadikan kualiti anak untuk fokus dalam kelas terganggu. Jadi dengan <i>homeschooling</i> anak dapat mengikuti pembelajaran dengan optimal.
Ibubapa boleh mengawasi pergerakan dan pergaulan anak-anak	<i>Homeschooling</i> membolehkan ibubapa mengawasi pergerakan dan pergaulan anak-anak. Anak-anak juga bebas dari risiko pergaulan bebas dan juga masalah buli di sekolah.
Anak boleh belajar di luar rumah	Berbeza dengan pendidikan formal yang pelajar perlu berada di sekolah, <i>homeschooling</i> memberi peluang untuk anak belajar luar dari kawasan kebiasaan contohnya seperti di perpustakaan, atau pun di halaman terbuka.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, pendidikan adalah sangat penting kepada anak-anak tidak kiralah anak-anak belajar secara formal di sekolah ataupun secara *homeschooling*. Apa yang lebih penting yang perlu diberi penekanan adalah adab dan akhlak anak-anak itu sendiri. Ibubapa merupakan model yang terbaik untuk anak-anak untuk dijadikan contoh teladan sepanjang hayat. Oleh itu, sebagai ibubapa jadilah guru yang terbaik kepada anak-anak agar mereka menjadi insan yang berbakti bukan sahaja kepada ibubapa itu sendiri tetapi juga kepada masyarakat.

## Rujukan:

- Malaysia, Ministry of Education. (2010). *Quick facts: Malaysian educational statistics*. Educational Policy Planning & Research Division: Ministry of Education Malaysia.
- Brian, D.Ray. (2009). National Home Education Research Institute, Oregon. Dimuat turun daripada [www.nheri.org](http://www.nheri.org)
- Azizi, Y., & Nurfaizah, A. M. (2011). Hubungan Antara Budaya Formal Sekolah Dan Gaya Pembelajaran Pelajar Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah. *Educational Psychology and Counseling*, 2(Jun), 78–112. Retrieved from <http://eprints.utm.my/13383/1/JEPC-2011-2-004.pdf>
- Ruslina Ibrahim, Yusliza Baharin, Deny Indahsari, Saedah binti Siraj, & Norlidah binti Alias. (2011). *Jangkaan masa depan homeschooling di Malaysia dan impaknya terhadap kurikulum di Malaysia*. Concept Paper: International Conference on World Class Education, Universiti Malaya.
- <https://www.moe.gov.my/pekeliling/4419-surat-pekeling-ikhtisas-bil-2-2005-garis-panduan-memproses-permohonan-pengecualian-daripada-mengikuti-pendidikan-wajib-di-peringkat-rendah/file>